



13 JUL, 2025

Perkukuh pelan peralihan tenaga

Kosmo Ahad, Malaysia



ANWAR (tiga dari kiri) meletakkan papan solar sebagai gimik pelancaran projek HHFS dan had hidrogen hijau di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu semalam.

Perkukuh pelan peralihan tenaga

- **PM lancar projek kerjasama TNB, Petronas, Terengganu Inc.**
- **Hab hidrogen hijau ubah landskap ekonomi negara**

Oleh **NOOR HAYATI MAMAT**

HULU TERENGGANU – Pembangunan solar terapung hibrid hidro (HHFS) dan hab hidrogen hijau di Tasik Kenyir di sini akan memperkukuh lagi pelan peralihan tenaga negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, projek raksasa melibatkan kerjasama strategik Tenaga Nasional Berhad (TNB), Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) dan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (Terengganu Inc.) itu turut menyokong aspirasi tenaga bersih serantau.

"Pembangunan hab hidrogen

hijau akan melibatkan pengeluaran hidrogen serta produk derivatifnya.

"TNB turut akan memperkukuh infrastruktur grid menerusi pembangunan HHFS," katanya di Stesen Janakuasa Hidroelektrik Sultan Mahmud di sini semalam.

Beliau menyaksikan majlis pertukaran dokumen projek HHFS dan hab hidrogen hijau antara TNB, Petronas dan Terengganu Inc.

Anwar berkata, pelaksanaan HHFS dan hab hidrogen hijau juga bakal mengubah landskap ekonomi negara khususnya Terengganu.

Beliau berkata, projek pembangunan di kawasan tasik buatan terbesar Asia Tenggara berkenaan berpotensi menarik lebih ramai pelabur ke negeri berkenaan.

"Pelaksanaan projek pembangunan solar terapung hidro hibrid dan hab hidrogen hijau di Kenyir ini dapat membuka ruang kepada anak-anak tempatan ter-

utamanya di Kuala Berang di sini untuk menerima pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional daripada Petronas dan TNB.

"Eloklah dirancang agar anak-anak Kuala Berang dan Terengganu ini diberi kuota latihan khusus (TVET). Saya harap ia dapat disegerakan," katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, projek HHFS Kenyir memanfaatkan aset sedia ada yang terdapat di Stesen Janakuasa Hidroelektrik Sultan Mahmud bagi memaksimumkan penjana tenaga boleh diperbaharui.

"Loji hidro tersebut berfungsi sebagai sistem simpanan tenaga yang fleksibel, menyimpan air semasa waktu puncak dan melepaskannya semasa luar waktu puncak, bagi menstabilkan grid dan bertindak balas dengan pantas terhadap turun naik permintaan, selain untuk tujuan Peralihan Tenaga Negara," jelas beliau.